

MRSA sedang mengenal pasti imej dipercayai serpihan MH370

122 objek baharu di Lautan Hindi

KUALA LUMPUR - Agensi Remote Sensing Malaysia (MRSA) kini sedang mengenal pasti imej 122 objek baharu yang dikesan di selatan Lautan Hindi oleh syarikat Airbus Defence & Space yang berpangkalan di Perancis yang dipercayai mempunyai kaitan dengan pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) MH370.

Pemangku Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, imej-imej tersebut dicerap dalam lingkungan 400 kilometer persegi oleh satelit milik syarikat pertahanan itu pada 23 Mac lalu.

"MRSA kini dalam proses mengesan imej objek-objek yang berpotensi yang dicerap satelit tersebut pada jarak 2,557 kilometer dari Perth, Australia iaitu tidak jauh dari objek dikesan satelit Australia, China dan Perancis sebelum ini," kata beliau pada sidang akhbar di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini semalam.

Menurut beliau, imej objek-objek tersebut didapati dalam lingkungan saiz antara satu hingga 23 meter



HISHAMMUDDIN menunjukkan imej satelit mengenai penemuan 122 objek di Lautan Hindi di Kuala Lumpur semalam.

dengan ada antara imej objek itu bersinar dan kemungkinan berstruktur keras.

"Semua penemuan objek itu disampaikan kepada Australia pagi ini (semalam) dan MRSA sedang mengenal pasti imej-imej itu," kata beliau.


Hishammuddin bagaimanapun memberitahu, setakat ini belum ada pengesahan bahawa imej objek-objek terbaharu tersebut mempunyai kaitan dengan MH370.

"Kita juga masih menung-


gu maklum balas pasukan mencari dan menyelamat (SAR) yang diketuai Australia dan sedang berada di lokasi pencarian untuk mengetahui perkembangan lanjut," jelasnya.

Menurut beliau, pengesanan objek-objek itu dengan MH370 juga penting untuk pasukan SAR mengecilkan lagi kawasan pencarian di Lautan Hindi yang kini dibahagikan kepada sektor Timur dan Barat.

"Semalam keadaan cuaca



LOKASI pengesanan 122 objek baharu oleh satelit Perancis di Lautan Hindi.



IMEJ satelit yang menunjukkan objek-objek bertaburan dipercayai serpihan pesawat MH370 di Lautan Hindi.

menghalang operasi SAR diteruskan, kita menunggu untuk mendapatkan perkembangan terkini kerana perlu mengambil kira faktor dihanyutkan ke tempat lain," kata beliau.

Sehubungan itu juga Hishammuddin berkata, sebuah kumpulan kerja antarabangsa akan ditubuhkan dengan gabungan agensi-agensinya antarabangsa bagi memperhalusi data-data yang dicerap satelit Inmarsat yang akhirnya bertujuan membawa kepada kedudukan terakhir pesawat MH370.



SEORANG anggota Tentera Udara Diraja Australia memberikan isyarat kepada juruterbang pesawat AP-3C Orion di Pangkalan Udara Pearce, Perth semalam.